

NO. SOALAN: 516

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [SUBANG]

RUJUKAN : 7318

SOALAN:

Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah dan status perjalanan inkues untuk kes-kes kematian dalam tahanan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dari tahun 2004 hingga 2014 untuk setiap tahun. Daripada jumlah kes kematian:-

(a) berapa kes kematian yang diarahkan untuk menjalani inkues dan berapa kes inkues yang belum selesai; dan

(b) berapa kes inkues yang sudah selesai dan berapa kes kematian yang diklasifikasi NFA atau "No Further Action".

JAWAPAN:

Berdasarkan statistik, kes kematian semasa dalam tahanan Polis bagi tahun 2009 hingga 2014 adalah berjumlah 86 orang. Daripada jumlah tersebut sebanyak 12 kes telah selesai *inkues*, 8 masih lagi dalam proses *inkues*, 23 kes dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya, 6 kes dirujuk kepada Majistret, 20 kes masih dalam siasatan dan 2 kes telah didakwa. Sebanyak 15 kes pula telah dirujuk kepada Majistret dan memutuskan tiada *inkues* atau “*No Further Action*”.

Pecahan mengikut tahun seperti berikut:-

STATISTIK TAHANAN MATI DALAM LOKAP DAN JAGAAN POLIS YANG TELAH DI NFA/KUS DAN INKUES SEDANG DIJALANKAN PADA TAHUN 2009 HINGGA 2014 (SEPTEMBER)									
BIL	TAHUN	PERKARA							JUMLAH KES
		PENDAKWAAN	MASIH INKUES	SELESAI INKUES	MAJISTRET MEMUTUSKAN TIADA INKUES DIPERLUKAN (NFA)	DIRUJUK DPP	DIRUJUK MAJISTRET	DALAM SIASATAN	
1	2009	1 (JATUH HUKUM)	1	2	3				7
2	2010			2	3	4			9
3	2011		1	4	6	4	2		17
4	2012		4	2	2	8	1	2	19
5	2013	1 (SEDANG BICARA)	2	2	1	6	3	5	20
6	2014					1		13	14
JUMLAH		2	8	12	15	23	6	20	86

*IDW (INQUEST DISPENSE WITH)